eastspring investments
A Prudential plc company

ISLAMIC GLOBAL TECHNOLOGY FUND
NOVEMBER 2026

SEMUA DATA ADALAH SETAKAT 31 OKTOBER 2026 KECUALI DINYATAKAN SELAINNYA

MAKLUMAT DANA

Tarikh Pelancaran: 18 Mei 2026

Kategori Dana/Jenis Dana: Ekuiti (patuh Syariah)/ Pertumbuhan

Saiz Dana: RM40,390,983.96

Harga Tawaran Permulaan: RM0.5000

NAB per Unit: RM0.4488

Skim Pelaburan KWSP: Tiada

No. ISIN: MYU0100B2026

FI, CAJ DAN PERBELANJAAN

Fi Pengurusan Tahunan:
Sehingga 1.80% daripada NAB Dana setahun

Fi Pemegang Amanah Tahunan:
Sehingga 0.065% daripada NAB Dana setahun, tertakluk kepada minimum RM15,000 setahun

Caj Jualan:
Sehingga 5.50% daripada NAB per unit Dana

Caj Jualan Balik: Tiada

Tempoh Pembayaran Jualan Balik:
Tujuh (7) hari bekerja

BUTIRAN TRANSAKSI

Pelaburan Permulaan Minimum:
Jumlah Sekaligus: RM1,000*
Pelaburan Berkala: RM100*

Pelaburan Tambahan Minimum:
Jumlah Sekaligus & Pelaburan Berkala: RM100*

* Pengurus berhak untuk meminda jumlah minimum yang ditetapkan di atas dari semasa ke semasa

PENGAGIHAN

Polisi Agihan Pendapatan:
Secara sampingan, selepas ditolak cukai dan perbelanjaan

NAB Dana:

	NAB	Tarikh
52-Minggu Tinggi	n.a.	n.a.
52-Minggu Rendah	n.a.	n.a.


PENGURUS DANA

Wakil Pengurus (Pengurus Pelaburan Luar) - Eastspring Al-Wara' Investments Berhad

OBJEKTIF DANA

Dana ini bertujuan untuk menyediakan pelabur dengan peningkatan modal jangka panjang.


PERUNTUKAN ASET*



1. Teknologi 83.93%
2. Komunikasi 9.26%
3. Tunai & Setara Tunai 6.81%

* sebagai peratusan NAB.

PERUNTUKAN NEGARA*



1. Amerika Syarikat 75.71%
2. Taiwan, Wilayah China 8.97%
3. Republik Korea 6.43%
4. Belanda 4.00%
5. Jepun 2.07%
6. Ireland 1.38%
7. Jerman 0.92%
8. Kanada 0.53%

* sebagai peratusan NAB.

PEGANGAN UTAMA*

1. Nvidia Corporation 8.80%
2. Microsoft Corporation 8.59%
3. Apple Inc. 7.26%
4. Broadcom Inc. 6.28%
5. Taiwan Semiconductor Manufacturing Co., Limited 5.50%

* sebagai peratusan NAB.

PRESTASI DANA

"Tidak tersedia kerana prestasi dana kurang daripada satu tahun"

Eastspring Investments Berhad 200001028634 (531241-U)
Level 22, Menara Prudential,
Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange,
Kuala Lumpur
Tel: 603 - 2778 3888
E-mail: cs.my@eastspring.com
Web: www.eastspring.com/my

ISLAMIC GLOBAL TECHNOLOGY FUND
NOVEMBER 2026

SEMUA DATA ADALAH SETAKAT 31 OKTOBER 2026 KECUALI DINYATAKAN SELAINNYA

JADUAL PRESTASI

	1 bulan	6 bulan	YTD	1 tahun	3 tahun	5 tahun	10 tahun	Sejak Permulaan
Dana	-13.09%	n.a.	n.a.	n.a.	n.a.	n.a.	n.a.	-3.88%
Penanda aras *	-10.91%	n.a.	n.a.	n.a.	n.a.	n.a.	n.a.	-4.01%

* Dow Jones Islamic Market (DJIM) Global Technology Titans 50 (9.5% capped) Index.
Prestasi dana dan kedudukan Lipper diperoleh daripada Lipper for Investment Management dan penanda aras adalah daripada www.spglobal.com, 31 Oktober 2026. Prestasi dikira berdasarkan Nilai Aset Bersih ("NAB") kepada asas NAB dengan pendapatan kasar atau dividen dilaburkan semula. Prestasi masa lalu tidak semestinya menunjukkan prestasi masa hadapan.

ULASAN PENGURUS DANA

Pada bulan Oktober, Dana menambah pendedahannya kepada syarikat semikonduktor — terutama sekali dalam segmen CPU dan peralatan semikonduktor — di samping menambah pegangan dalam penyedia perkhidmatan awan (CSP) seperti Meta, yang sebelum ini berada dalam kedudukan kurangan berat. Kami menaikkan peruntukan kepada sektor keselamatan siber, mencerminkan pandangan kami bahawa sektor tersebut bakal menerima manfaat daripada asas-asas yang semakin kukuh. Selain itu, Dana terus menambah pendedahan kepada syarikat bermodal besar bagi mengurangkan kedudukan kurangan berat berbanding penanda aras. Dari sudut pandangan serantau, penambahan dalam portfolio tertumpu terutamanya di Amerika Syarikat, disokong oleh prospek pertumbuhan bagi syarikat semikonduktor dan perkakasan berkaitan AI yang menarik.

Dalam jangka masa terdekat, permintaan ke atas pusat data dan pelayan AI menjelang tahun 2027 terus disokong oleh projek-projek yang sedang dibina, tempoh masa yang panjang untuk mendapatkan peralatan kritikal, kekangan kapasiti pembungkusan termaju, dan tunggakan pesanan sedia ada. Hasilnya, keterlihatan pendapatan bagi tahun 2027 kekal mantap secara relatif.

Bagi tahun 2028, sikap berwasapada yang lebih tinggi adalah wajar. Golongan pelabur harus memantau dengan teliti ke atas proses pemberian permit pusat data di Amerika Syarikat, ketersediaan sambungan grid elektrik, dan sejauh mana kelewatan sebenar projek-projek berkaitan. Ketidakpastian ini mungkin terus memberi tekanan terhadap penilaian rantaian bekalan AI dan anggaran pendapatan bagi tahun 2028.

Walau bagaimanapun, AI kekal sebagai elemen teras dalam persaingan teknologi dan pelaburan infrastruktur mencakupi ekonomi-ekonomi utama. Oleh itu, kami menjangkakan projek pusat data akan ditangguhkan atau lokasinya dipindahkan, dan bukannya dibatalkan secara berstruktur. Seiring dengan perkembangan penjanaan kuasa, kapasiti penghantaran, infrastruktur grid, dan kemudahan utiliti sokongan dari semasa ke semasa, kami menjangkakan bahawa penambahan kapasiti pusat data akan kembali meningkat dengan lebih pantas mulai tahun 2029 dan seterusnya.

Oleh itu, kami mengekalkan pandangan jangka panjang yang positif ke atas sektor teknologi dan prospek pertumbuhan jangka panjang AI, serta memandang pembetulan pasaran baru-baru ini sebagai peluang untuk meningkatkan pendedahan kepada syarikat-syarikat berkualiti tinggi pada penilaian yang lebih menarik. Dari perspektif portfolio, kami akan terus bersikap selektif dengan mengutamakan syarikat yang mempunyai keterlihatan tempahan yang kukuh, keterbatasan kapasiti atau kepentingan kapasiti secara strategik, halangan kemasukan berasaskan teknologi yang tinggi, kemantapan penjanaan aliran tunai bebas, serta pulangan yang tinggi kepada pemegang saham.

Berlatarbelakangkan pembetulan pasaran baru-baru ini, kami telah memanfaatkan kelemahan harga saham untuk meningkatkan pendedahan terhadap syarikat-syarikat terpilih secara beransur-ansur, yang menadah manfaat daripada kecerdasan buatan (AI). Syarikat-syarikat berkenaan tidak termasuk dalam portfolio kami sebelum ini, namun kami mengekalkan pandangan yang konstruktif terhadap prospek jangka sederhana hingga panjang ke atasnya. Penambahan ini merangkumi syarikat CPU yang berada pada kedudukan strategik untuk meraih manfaat daripada penaiktarafan pelayan AI dan keperluan pengkomputeran yang semakin meningkat, serta syarikat media sosial, pengeluar telefon pintar terkemuka, juga syarikat ASIC yang dijangka mendapat manfaat daripada struktur pertumbuhan pembangunan dan aplikasi AI.

MAKLUMAT LAIN MENGENAI DANA

Tahun	-	-	-	-	-
Prestasi Tahunan Dana (%)	-	-	-	-	-
Prestasi Tahunan Penanda Aras (%)	"Tidak tersedia kerana prestasi dana kurang daripada satu tahun"				
Tarikh/Agihan (RM)					
Hasil Agihan (%)					

Sumber: n.a.

MAKLUMAT PENTING

Para pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Eastspring Investments Islamic Global Technology Fund (“Dana”) Prospectus bertarikh 18 Mei 2026 (“Prospektus”) serta Product Highlights Sheet (“PHS”) Dana tersebut sebelum melabur. Prospektus dan PHS boleh didapati di pejabat Eastspring Investments Berhad (“Pengurus”) atau pengedar sahnya, dan para pelabur berhak untuk meminta sesalinan Prospektus dan PHS.

Iklan ini belum disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Prospektus telah didaftarkan dengan SC yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungannya. Pendaftaran Prospektus dengan SC tidak bermakna atau menunjukkan bahawa SC telah mengesyorkan atau mengendors produk tersebut. Unit hanya akan diterbitkan setelah borang permohonan yang disertakan bersama Prospektus diterima. Prestasi masa lalu Dana bukanlah petunjuk prestasi masa hadapan Dana. Harga unit dan agihan yang perlu dibayar, jika ada, mungkin turun dan juga naik. Apabila pecahan/agihan unit diisytiharkan, pelabur dinasihatkan bahawa susulan pengeluaran unit tambahan/agihan, Nilai Aset Bersih (“NAB”) seunit akan dikurangkan daripada NAB pra-pecahan unit/merangkap NAB agihan kepada NAB pasca-pecahan unit/NAB selepas pengagihan. Apabila pecahan unit diisytiharkan, pelabur dinasihatkan bahawa nilai pelaburan mereka dalam Ringgit Malaysia akan kekal tidak berubah selepas terbitan unit tambahan.

Pelaburan dalam Dana ini terdedah kepada risiko negara dan geopolitik, risiko khusus sektor, risiko mata wang, risiko derivatif, risiko ekuiti, risiko transaksi pihak berkaitan, serta risiko pengelasan semula status Syariah. Pelabur dinasihatkan untuk mempertimbangkan risiko-risiko ini dan risiko umum lain seperti yang diperincikan dalam Prospektus, serta yuran, caj, dan perbelanjaan yang terlibat sebelum melabur. Pelabur juga digalakkan untuk mendapatkan nasihat daripada penasihat profesional sebelum membuat komitmen untuk melabur dalam unit mana-mana dana kami.

Eastspring Investments ("Eastspring") ialah anak syarikat milik penuh Prudential plc. Prudential plc, diperbadankan dan didaftarkan di England dan Wales. Pejabat berdaftar: 5th Floor, 10 Old Bailey, London, EC4M 7NG, UK. Nombor berdaftar 1397169. Prudential plc ialah syarikat induk, dengan beberapa anak syarikatnya diberi kuasa dan dikawal, mengikut mana yang berkenaan, oleh Pihak Berkuasa Insurans Hong Kong dan pihak berkuasa kawal selia yang lain. Prudential plc tidak bergabung dalam apa jua cara dengan Prudential Financial, Inc., sebuah syarikat yang tempat perniagaan utamanya adalah di Amerika Syarikat atau dengan Prudential Assurance Company Limited, anak syarikat M&G plc, sebuah syarikat yang diperbadankan di United Kingdom.

Lembaran fakta Dana ini tersedia dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara kedua-dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.